

# 40 pelajar UMS-KAL sertai Kursus Pengacaraan Majlis

UB 27.11.2012 B2

LABUAN: Seramai 40 pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah menyertai Kursus Pengacaraan Majlis 2012 di Dewan Theatred universiti itu, kelmarin.

Kursus sehari itu dikendalikan oleh Pengacara TV1, Radio Televisyen Malaysia (RTM), Mohammad Hisham Mohammad Salleh.

Penyelaras Program, Norhana Nordin berkata kursus yang diadakan dari jam 8.30 pagi hingga 5 petang itu dianjurkan Unit Aktiviti dan Latihan Pelajar, Bahagian Pembangunan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UMS-KAL.

Katanya, kursus itu bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada mahasiswa UMS tentang mengacara dan mengendalikan sebuah majlis sama ada rasmi mahupun tidak rasmi dengan sebaik-baiknya dalam sesuatu aktiviti yang mereka laksanakan.

Beliau berkata, kursus itu juga bertujuan untuk melahirkan lebih ramai pelajar yang berbakat dari segi pengacaraan dan kemahiran yang diperlukan di universiti dan negara ini amnya.

"Kursus pengacaraan itu juga untuk memberi pendedahan dan pengetahuan tentang cara-cara mengacara atau mengendalikan sebuah majlis rasmi dan tidak rasmi



terutama yang diadakan di UMS," katanya.

Norhana menambah, ianya juga untuk membantu menyediakan pengacaraan majlis bagi program universiti dan aktiviti pelajar yang diadakan sepanjang tahun.

Sementara itu, Hisham berkata pengacara perlu memahami tugas mereka iaitu bercakap, memberi arahan, mengawal majlis, melancar majlis dan membuka serta menutup majlis.

Katanya, mereka perlu mahir menyampaikan maklumat dengan jelas, mampu mempengaruhi orang lain dan tahu menghiburkan tetamu dan orang ramai yang menghadiri sesuatu majlis.

Beliau juga memberi panduan beberapa perkara yang perlu dilakukan oleh pengacara iaitu bercakap jelas, menjaga imej, puji yang bagus, selitkan unsur lawak jenaka, tahu apa yang dikatakan, datang awal, pakar

majlis, memahami majlis/VIP yang tepat dan makan sedikit sebelum acara bermula.

Hisham tidak lupa menasihatkan pengacara majlis agar tidak melakukan beberapa perkara termasuk



(Gambar atas) HISHAM (enam kiri) bersama peserta Kursus Pengacaraan Majlis di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan, kelmarin.

(Gambar bawah) PESERTA menunjukkan bakat semasa Kursus Pengacaraan Majlis diadakan di Dewan Teater, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan.



tidak makan semasa mengacarakan majlis, batuk/bersin, jangan lambat, memaksa penonton, menghafal skrip, kongsi masalah peribadi, lawak jenaka yang melampau, bercakap isu-isu sensitif dan memarahi penonton.

Sementara itu, pelajar Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Josephine Lee Choon Nee berkata kursus itu memberi manfaat kepada beliau yang berminat untuk menjadi pengacara program pelajar di UMS-KAL.

Katanya, panduan yang dikongsi pengacara Selamat Pagi Malaysia itu akan digunakan dengan sebaik mungkin untuk mengendalikan sesuatu acara rasmi dan tidak tasmi di universiti itu.

"Banyak lagi perkara yang perlu kami pelajari sebelum menjadi pengacara yang

mampu mengendalikan sesuatu program anjuran universiti dan pelajar di UMS-KAL," katanya.

Seorang lagi pelajar SSIL, Mohd Yusuf Syafiq menyifatkan kursus itu memberi banyak pengetahuan kepada beliau yang sering diberi peluang mengacarakan pelbagai program membabitkan pelajar UMS-KAL.

Katanya, banyak lagi perkara yang perlu dipelajari sebelum boleh mengendalikan majlis rasmi yang dianjurkan pihak universiti.

"Pengetahuan dan pengalaman yang dikongsi penceramah banyak mendedahkan beberapa kekurangan semasa kami mengendalikan majlis rasmi dan tidak rasmi sebelum ini," katanya.



PESERTA Kursus Pengacaraan Majlis memberikan reaksi spontan kepada penceramah kursus, Hisham Salleh.